

# PENTADBIRAN

## **PENAUNG:**

Prof. Dato' Omar bin Osman,  
Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia

## **PENASIHAT**

Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor  
Mufti Negeri Pulau Pinang

## **PENGERUSI**

Prof. Dato' Muhammad Idiris bin Haji Saleh, Pengarah Pusat Islam

## **JAWATANKUASA AKADEMIK**

Profesor Madya Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir

Dr. Shohana binti Hussin

Dr. Ku 'Azam bin Tuan Lonik

Dr. Shaik Abdullah bin Hassan Mydin

Dr. Mohd Nizam bin Sahad

Tn. Haji Mohd Yusoff bin Abd rahim

Ustazah Rohayati binti Daud

Ustaz Mohd Zamrus bin Mohd Ali

Ustaz Nazrul bin Hassan

Ustaz Muhammad Shukri bin Osman

Ustaz Zayd bin Zhari

Ustaz Iswandi bin Abdul Mokmin

Ustazah Nor Fadhilah binti Wahab

En. Mohd Fadhil bin Ahmad-wakil Bahagian Perundangan

En. Ahmad Imran bin Kamis-wakil Unit Peperiksaan

# PENGURUSAN

## **KETUA**

Ustaz Mohd Zamrus bin Mohd Ali

## **TIMBALAN**

Ustaz Iswandi bin Abdul Mokmin

## **SETIAUSAHA KERJA**

Puan Hasliza binti Jamaludin

## **SETIAUSAHA HAL EHWAL PELAJAR**

Puan Normiza binti Daud

## **SETIAUSAHA HAL EHWAL AKADEMIK**

Puan Fadzilah binti Long

## **BENDAHARI**

Puan Noreen Afzan binti Roslan

Wakil USAINS

## **PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT**

Encik Mohd Shahanaz bin Asree

## **PEMBANTU BAHAGIAN TEKNIKAL**

Ustaz Ibrahim bin Deraman

Ustaz Mohd Razin bin Rosely

Encik Sulaiman bin Shamsuddin

# SIJIL TAKHASSUS AL-QURAN DAN PRA TAHFIZ

## SEMESTER 1

HIFZ AL-QURAN I

ULUM AL-QURAN I

AHKAM TAJWID I

METOD TAFSIR AL-QURAN

AL-LUGHAH AL-ARABIAH I

## SEMESTER 2

HIFZ AL-QURAN II

ULUM AL-QURAN II

AHKAM TAJWID II

TAFSIR AYAT AL-AHKAM I

AL-LUGHAH AL-ARABIAH II

## SEMESTER 3

HIFZ AL-QURAN III

TAFSIR AYAT AL-AHKAM II

AHKAM TAJWID III

AL-LUGHAH AL-ARABIAH III

ULUM QIRAAT I

## SEMESTER 4

HIFZ AL-QURAN IV

TARIKH QURRA'

ULUM QIRAAT II

AL-LUGHAH AL-ARABIAH I

TARANNUM AL-QURAN

# SIJIL PENGAJIAN ISLAM

## SEMESTER 1

AL-HADITH  
Ustaz Iswandi Abdul Mokmin

---

METODOLOGI DAKWAH  
Ustazah Rohayati binti Daud

---

FIQH IBADAH  
Ustaz A. Rhaffor bin Mahmood

---

USUL FIQH  
Ustazah Nurul Aiman binti Abd. Wahab

---

AL-LUGHAAH AL-ARABIAH 1  
Ustazah Nazirah binti Abdullah

## SEMESTER 2

AKHLAH & TASAWWUF  
Prof. Madya Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir

---

FIQH MUNAKAHAT  
Ustaz Mohd Yusof bin Abdul Rahim

---

ULUM AL-QURAN  
Ustaz Zayd bin Zhari

---

ULUM AL-HADITH  
Ustaz Mohamad Shukri bin Osman

---

AL-LUGHAAH AL-ARABIAH II  
Ustazah Nazirah binti Abdullah

## SEMESTER 3

METODOLOGI DAKWAH  
Ustazah Nor Fadhilah binti Abdul Wahab

---

TAFSIR AYAT AL-AHKAM  
Ustaz Mohamd Shukri bin Osman

---

ALIRAN PEMIKIRAN SEMASA  
Dr. Shaik Abdullah bin Hassan Mydin

---

FIQH MUNAKAHAT  
Ustaz Sanusi bin Awang Hassan

---

AL-LUGHAAH AL-ARABIAH III  
Ustaz Norhisyam bin Ibrahim

## SEMESTER 4

AQIDAH ISLAM  
Ustazah Rohayati binti Daud

---

FIQH JINAYAT  
Ustaz Sanusi bin Awang Hassan

---

FIQH MU'ASIRAH  
Ustaz Mohd Zamrus bin Mohd Ali

---

SIYASAH SYAR'IYYAH  
Dr. Jasni bin Sulong

---

AL-LUGHAAH AL-ARABIAH IV  
Ustaz Norhisyam bin Ibrahim

## PENGENALAN DAN SEJARAH

Pusat Islam Universiti Sains Malaysia memulakan Program Keilmuan secara rasminya pada tahun 2010. Pada permulaannya, Kelas pengajian Al-Quran dewasa diperkenalkan dan dihadiri seramai 30 orang peserta dari kalangan staf, mahasiswa dan masyarakat luar. Namun demikian, sambutan dari warga kampus dan masyarakat luar terhadap kelas pengajian tersebut amat memberangsangkan. Banyak pertambahan dari sudut bilangan pelajar dan kelas. Bagi mewujudkan budaya keilmuan yang berkesinambungan itu, Pusat Islam mewujudkan program Persijilan Pengajian Islam (PPI) khususnya bagi lepasan Kelas Pengajian al-Qur'an Dewasa. Skop ilmu yang ditawarkan melibatkan kombinasi ilmu-ilmu Usuluddin, Syariah, Pengajian al-Qur'an dan Bahasa Arab.

Selain itu juga kursus-kursus elektif seperti Tahfiz al-Quran, ilmu Falak dan Falsafah Sains Islam juga bakal diwujudkan. Pelajar-pelajar juga berpeluang mengikuti aktiviti-aktiviti keilmuan lain secara berkala yang dianjurkan oleh Pusat Islam seperti pengurusan jenazah, kursus imam dan khatib, penyembelihan serta lain-lain sebagai meningkatkan kemahiran diri. PPI menyediakan tenaga pengajar yang pakar dalam bidang masing-masing untuk memastikan pelajar menguasai sepenuhnya ilmu yang disampaikan dalam kuliah-kuliah sepanjang 4 semester pengajian. Untuk itu, Pusat Islam USM berbesar hati mengembangkan program persijilan ini ke seluruh IPT yang bernaung di bawah JAHEIS dan memberi sumbangan ilmu berterusan kepada masyarakat.



## OBJEKTIF

**01**

Menyediakan kemudahan kepada warga kampus dan masyarakat luar untuk meningkatkan ilmu-ilmu Islam.

**02**

Memberi galakan kepada warga kampus dan masyarakat luar agar mendalami ilmu-ilmu Islam turath secara lebih formal.

**03**

Meningkatkan tahap ilmu serta kefahaman Islam kepada warga kampus dan masyarakat luar.

**04**

Merealisasikan Pusat Islam sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu bercirikan Baitul Hikmah dan al-Andalus.

**05**

Menambah penglibatan sosial Pusat Islam kepada warga kampus dan masyarakat luar.



## FALSAFAH

Pengajian Islam harus disebarakan melalui falsafah IQRA' (Bacalah) dalam iklim kegemilangan tamadun ilmu sebagai elemen asas pembentukan khaira ummah yang menjunjung tinggi disiplin ilmu-ilmu al-wahyu.

## MOTO VISI

"MEMPERKASA  
PERADABAN  
INTELEKTUAL  
MUSLIM"

Menjulang budaya tamadun ilmu dalam masyarakat yang berkemahiran dalam disiplin ilmu-ilmu al-wahyu dan berkeyakinan mengamalkan dan menyampaikan ilmu sebagai pemangkin membina kegemilangan tamadun ummah.



# PUSAT PENTADBIRAN

Pentadbiran Program Persijilan Pengajian Islam dilaksanakan di kampus Induk Universiti Sains Malaysia yang terletak di Pulau Pinang. Di kampus Induk pentadbiran dilaksanakan melalui lima komponen utama, iaitu Bahagian Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Kewangan, Bahagian Peperiksaan dan Bahagian Pengurusan.

Bahagian pentadbiran di kampus Induk diketuai oleh seorang Ketua Pelaksana, sementara di kampus cawangan diketuai oleh seorang pegawai yang dilantik dan bertanggungjawab kepada Pengarah Pusat Islam USM. Bagi memberi ruang kepada lebih ramai orang untuk mengikuti program Persijilan ini, dua program ditawarkan kepada sesiapa yang berminat. Dua program adalah seperti berikut:

## **1. SIJIL TAKHASSUS AL-QURAN DAN PRA TAHFIZ**

## **2. SIJIL PENGAJIAN ISLAM**


Program Persijilan yang dilaksanakan di cawangan-cawangan lain perlu mengikut kampus Induk sebagai rujukan utama.

### *Sistem Pengajian*

Program Persijilan dijalankan mengikut sistem semester iaitu selama 4 semester (2 tahun) bermula Januari dan berakhir Disember. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan melalui kaedah penilaian kursus iaitu:

**Peperiksaan 80%. Tugasan 15%. Kehadiran 5%**

Syarat untuk membolehkan calon memperolehi sijil adalah seperti berikut:

1. Sijil Pengajian Islam - perlu lulus (markah lulus 40) dalam peperiksaan bagi kesemua kursus yang ditawarkan.
  2. Sijil Penyertaan (khusus kepada pelajar yang tidak mengambil peperiksaan) - perlu menghadiri kelas sebanyak 80% untuk melayakkan diri untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- 



## ***Pendaftaran***

Calon program persijilan hendaklah mendaftar untuk program pengajiannya tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh permulaan setiap semester kemasukan ke program pengajian tersebut.

Calon yang diterima masuk akan diberi surat tawaran. Surat tawaran rasmi hanya akan diberi jika calon telah menyempurnakan pendaftaran dan menjelaskan sekurang-kurangnya satu semester yuran pengajian.

## ***Pembaharuan Pencalonan dan Pengulangan Akibat Gagal***

1. Semua calon program hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan calon tidak didaftarkan untuk menghadiri kuliah semester berikutnya.
2. Calon yang tidak lulus satu-satu subjek wajib untuk mengulang semula pada semester subjek tersebut ditawarkan. Tanpa pengulangan, secara automatiknya calon tidak mendapat sijil program ini. ( Tidak terpakai bagi calon yang mengikuti program tanpa peperiksaan).
3. Calon Pengkhususan al-Quran dan pra Tahfiz wajib menghabiskan silibus Hifz al-Quran secara talaqqi dan musyafahah.

## ***Kehadiran dalam Program Pengajian***

1. Calon hendaklah menghadirkan diri dalam semua program dan kerja kursus berkaitan dengan program pengajian yang diikutinya melainkan calon berkenaan diberi cuti sakit atau cuti bersalin oleh seorang pegawai perubatan atau diberi cuti materniti oleh majikannya atau diberi kebenaran untuk tidak hadir. Semua ketidakhadiran hendaklah disertakan surat.
2. Mana-mana calon dengan kehadiran kelas kurang daripada 80% untuk sesuatu kursus dalam sesuatu semester tanpa sebab yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran guru berkenaan akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan.
3. Mana-mana calon yang dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir untuk sesuatu kursus dalam sesuatu semester akan diberi markah sifar untuk peperiksaan akhir bagi kursus itu.

## ***Syarat Menduduki Peperiksaan***

Calon dikehendaki memenuhi sekurang-kurangnya 80% kehadiran kuliah/tutorial untuk melayakkan beliau menduduki peperiksaan dalam kursus berkenaan. Calon yang tidak memenuhi syarat-syarat kehadiran kuliah dengan memuaskan dihalang untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan. Sebelum menduduki peperiksaan, calon mesti menjelaskan yuran terhutang (jika ada).

## ***Penarikan Diri atau Penangguhan dari Semester***

1. Penarikan dari kursus bermakna penarikan diri dari semester yang diduduki dan semester-semester selepasnya. Calon boleh menarik diri dari kursus pada mana-mana semester.
2. Calon yang menarik diri tidak dipulangkan yuran pendaftaran dan calon tidak berhak mendapat apa-apa layanan daripada pentadbiran seperti surat sokongan pengajian dan lain-lain. Calon yang menarik diri dari kursus selepas minggu kuliah kelapan tidak akan dipulangkan yuran pengajian semester.
3. Tempoh di mana calon telah dianggap menarik diri sekiranya tiada sebarang surat, makluman atau rekod adalah calon tidak hadir melebihi 5 minggu berturut-turut.
4. Penangguhan bermakna menangguh pengajian satu semester atau lebih dan akan menyambung pengajian pada masa akan datang. Calon boleh menangguh pengajian pada mana-mana semester.
5. Calon yang menangguh pengajian selepas minggu kuliah ke lapan tidak akan dipulangkan yuran pengajian semester dan perlu membayar yuran pengajian semester berkenaan semasa pendaftaran mengulang.
6. Pendaftaran semula akibat penangguhan hendaklah merujuk kepada tajuk pembaharuan pencalonan.

## ***Yuran Pengajian***

Yuran hendaklah dibayar pada bulan Disember dan Jun setiap tahun pengajian. Yuran pengajian boleh dibayar beransur-ansur untuk menggalakkan lebih ramai mengikuti pengajian.

- Yuran pendaftaran : RM 350 (sekali sahaja)  
Yuran setiap semester : RM 380 (setiap semester)  
Yuran mengulang : RM 76 (setiap kursus)  
Kos sebulan : LIHAT LAMPIRAN 1